

# GEMPAK.

WEEKLY EDITION

## Aisar Khaled

FENOMENA DERMAWAN & SANG PANGERAN CINTA



# AISAR KHALED



Aisar Khaled sedang menemui 'lubuk baharu' untuk meneruskan kariernya sebagai seorang pempengaruh yang dermawan dan penuh empati terhadap nasib golongan kurang berkemampuan.

Indonesia — itu negara yang kebanyakan rakyat republik tersebut merupakan 'emain industri media sosial' sedang melihat Aisar, sosok pemuda kacak berkarisma sebagai 'Sultan'.

'Sultan' di Indonesia adalah panggilan pasar seorang yang sangat kaya. Dan itulah gelaran yang sedang disandang pemilik nama sebenar Aisar Khaled Kamel ini sekarang.

Sewaktu artikel ini ditulis, Aisar yang memiliki 15.4 juta pengikut di TikTok, 5.3 juta pengikut di Instagram, dan 21 ribu di Facebook sedang berada di Bali, Indonesia.

Menerusi kemas kini di platform media sosial, Aisar singgah di Aceh awal minggu ini dan terkejut dengan sambutan yang di luar jangka. Pemuda berusia 24 tahun itu disambut seperti tokoh berpengaruh.

Namanya meroket di Indonesia selepas dia pertama kali kalah tinju dengan Fadly Faisal, abang kepada pempengaruh, Fuji — dan sama ada secara sengaja atau tidak dia menjadi sangat popular selepas 'menjalin hubungan' bersama gadis tersebut.

Warganet bercakap dan memberi pelbagai komen tentang hubungan mereka sementelah Aisar sempat memperkenalkan Fuji kepada keluarganya.

Di Bali, Aisar tahu bagaimana membuat namanya terus berada dalam radar 'panas'. Selepas menjadi sebutan kerana akrab bersama Fuji, Aisar kini mencuri peluang melakukan kolaborasi bersama pelakon Jennifer Coppen yang kehilangan suami akibat kemalangan jalan raya pada Julai tahun lalu.

Foto kebersamaan mereka sekali lagi mengundang perdebatan dalam kalangan warganet. Aisar dituduh sebagai kaki konten, bukan lagi umpama pangeran cinta sewaktu saat dia nampak ikhlas mendekati Fuji.

Ironi berbalik kepada fakta siapakah Aisar? Aisar Khaled adalah seorang pempengaruh yang menjadikan sikap prihatin dan khidmat sosial sebagai subjek utamanya.

Wang umpama umpan yang dipasang kepada pancing — sesiapa yang bernasib baik dan punya rezeki akan menerima bantuan daripadanya.

Faktor fizikal dan 'muka boleh jual' Aisar kemudian memainkan peranan penting menjadikan dirinya sebagai seorang pempengaruh yang kacak, penuh empati dan banyak duit.

Lalu kuasa wang dan fizikal elok menjadi pakej lengkap buat Aisar sebagai seorang pempengaruh yang tahu bagaimana untuk mengemudi kontennya.

Fenomena yang dikehendaki sebagai Sultan sekarang sekaligus menghilangkan tuduhan yang selalu dilemparkan kepadanya sebelum ini iaitu seorang scammer. - MALIAH SURIP

# 5 Kontroversi Viral Aisar Khaled Sebelum Trending Di Indonesia

Aisar Khaled, seorang personaliti media sosial, sering mencetuskan kontroversi dengan kandungan di media sosialnya. Tidak kiralah daripada parodi, eksperimen sosial hingga derma kepada golongan yang memerlukan.

Jom semak lima kisah kontroversi Aisar sepanjang bergelar content creator di Malaysia.

## 1. Kontroversi 1,000 Babi Air

Aisar pernah menerima kecaman hebat selepas memuat naik video eksperimen '1000 babi air' di YouTube, yang dianggap sebagai pembaziran oleh netizen. Aisar kemudian memohon maaf, menjelaskan bahawa tujuannya bukan untuk meraih perhatian atau menjadi viral, tetapi kerana topik tersebut sedang trending di media sosial.

## 2. Baring tengah jalan

Aisar juga mencetuskan kontroversi apabila videonya berbaring di tengah jalan raya Kuala Lumpur yang sesak demi kandungan media sosial tular.

Tindakannya itu menimbulkan kemarahan netizen yang menganggap perbuatannya membahayakan diri dan mengganggu lalu lintas.

Difahamkan, Aisar sedang melakukan eksperimen sosial untuk melihat reaksi orang ramai, namun tiada yang tampil membantu.

## 3. Content di kubur Allahyarham Siti Sarah

Aisar Khaled dikecam selepas memuat naik video lawatan ke pusara Allahyarham Siti Sarah, yang dianggap tidak sensitif.

Dia segera memohon maaf kepada keluarga arwah dan memadam video tersebut, mengakui kesilapannya serta berjanji untuk lebih berhati-hati dalam menghasilkan kandungan.

Shuib, suami arwah, memaafkan Aisar tetapi menasihatinya untuk lebih peka di masa depan.

## 4. Peluk Fify Azmi

Menerusi parodi lagu 'Gadis dan Bunga', Aisar memeluk Fify sebanyak dua kali. Tindakan ini dianggap tidak sesuai, terutama kerana Aisar sebelum ini dikenali dengan kandungan berunsur keagamaan.

## 5. Lepas duit

Aisar dikecam selepas video sambutan hari lahirnya tular, menunjukkan dia membaling kupon dari atas kren, yang dikritik seperti 'memberi makan ayam'.

Aisar menjelaskan niatnya untuk berkongsi rezeki, menggantikan wang tunai dengan kupon yang boleh ditebus, termasuk hadiah utama sebuah kereta Perodua Axia.



## Tragedi Pesawat Terhempas Jadi Duka Dunia 2024

Meski sudah diteriakkan 'Selamat Tahun Baharu 2025' namun banyak memori tentang 2024 yang masih basah dalam ingatan.

Di antara memori manis, banyak tragedi duka yang berlaku sepanjang tahun lalu dan yang paling menjadi perhatian adalah insiden pesawat terhempas di seluruh dunia.

Berikut antara tragedi pesawat yang berlaku pada tahun terutama Disember tapi masih meninggalkan duka yang mendalam kepada seluruh dunia. - MALIAH SURIP



### 1. Nahas Pesawat Jeju Air

Hanya beberapa hari sebelum tahun lalu ditutup, pesawat Boeing 737-800 Jeju Air terhempas sewaktu membuat pendaratan di Lapangan Terbang Antarabangsa Muan pada 29 Disember yang melakukan perjalanan antara Muan, Pulau Jeju dan Incheon, barat Seoul, dalam tempoh 48 jam sebelum itu.

Tragedi malang yang dipercayai berpuncak daripada kerosakan gear pendaratan meragut 179 nyawa dengan hanya dua penumpang terselamat.

Menerusi siasaran awal, pesawat tersebut didapati telah mengendalikan 13 penerbangan dalam tempoh 48 jam sebelum kejadian.



### 2. Nahas Pesawat Azerbaijan Airlines

Pada 25 Disember 2024, penerbangan Azerbaijan Airlines 8243 terhempas berhampiran Lapangan Terbang Aktau di Kazakhstan.

Akibat tragedi itu seramai 38 daripada 67 penumpang terkorban.

Pesawat Embraer ERJ-190AR yang melakukan penerbangan dari Baku ke Grozny menimbulkan spekulasi ia ditembak jatuh akibat serangan selepas lubang besar ditemukan pada ekor pesawat Azerbaijan Airlines tersebut.

### 3. Nahas Pesawat ATR 72-500

Pada 10 Ogos 2024 sebuah pesawat domestik terhempas di kawasan pinggir Sao Paulo, Brazil dan mengorbankan 62 penumpang serta anak kapal.

Berdasarkan laman web data penjejakan penerbangan, pesawat ATR 72-500 dua enjin itu menjunam 17,000 kaki dalam masa seminit dan terhempas kira-kira 80 kilometer ke barat laut Sao Paulo.

Ketika kejadian terdapat 58 penumpang dan 4 anak kapal dalam pesawat berkenaan.

Pesawat itu berlepas dari Casvavel, Parana dan dijadual dalam perjalanan ke lapangan terbang antarabangsa utama Sao Paolo.



## Cetak Rekod Tayangan, Squid Game 2 Dikritik Kerana Watak-Watak Ini!

Memulakan tayangan di seluruh dunia pada 26 Disember 2024, Squid Game 2 hanya memerlukan empat hari untuk mengutip 68 juta tontonan di Netflix. Ia menewaskan tontonan Wednesday yang menerima sebanyak 50.1 juta tonton sewaktu ditayangkan pada 2022, lapor Variety.

Squid Game 2 juga menerima tayangan jauh lebih baik daripada siri pertamanya yang menjadi fenomena. Squid Game menerima 111 juta tontonan dalam tempoh 17 hari ditayangkan. Apa lagi yang menarik tentang siri yang ditulis dan digarap oleh Hwang Dong-hyuk ini? - MALIAH SURIP



1.



Dendam Seong Gi-hun

Lee jun-jae kembali menjadi titik fokus menerusi watak Seong Gi Hun yang kembali terjebak dalam 'permainan kejam' Squid Game.

Cukup terkenal sebagai pemain nombor 456, Gi hun muncul ditayangkan pada Squid Game 2 dengan penuh dendam. Malah Gi Hun tidak tersenyum gembira seleperti foto yang dirakamkan dalam siri pertamanya.

Sebaliknya Gi Hun menunjukkan reaksi marah dan dendam terhadap permainan ini. Tapi mampukah dendam ini berjaya menyelamatkan semua peserta yang terpengaruh dengan habuan duit yang diberikan?

2.



Watak T.O.P Dikecam

Kemunculan T.O.P bergabung dalam siri fenomena ini menuai pro dan kontra kritikan dalam kalangan peminat dan penonton.

Memainkan watak seorang penyanyi rap yang gagal mendulang sukses bernama Thanos, dia digambar sebagai penagih dadah yang sentiasa menggunakan 'najis' tersebut untuk mengatasi ketakutannya.

Karakter tersebut dikritik kerana dalam kehidupan sebenar, T.O.P juga pernah terkait dengan najis dadah.

Namun sutradara mengatakan peranan T.O.P dengan watak sedemikian sangat perlu. Dong Hyuk juga menyifatkan T.O.P sebagai berani membawa watak negatif yang mempunyai persamaan dengan dirinya.

3.



Kritikan Watak Transgender

Squid Game 2 turut menampilkan beragam watak termasuk karakter transgender, Hyun ju yang dimainkan dengan cemerlang oleh Park Sung hoon.

Bagaimanapun kehadiran watak transgender itu dikritik. Ada yang berpendapat pengarah patut memilih transgender sebenar memainkan watak tersebut.

Namun pengarah mengatakan mereka tidak menemukan transgender atau individu yang sesuai untuk memainkan peranan seperti yang diinginkan.

Watak Hyun ju yang merupakan seorang bekas tentera dilihat seperti diinspirasikan daripada seorang tentera dan aktivis transgender, Byun Hee soo yang meninggal dunia kerana bunuh diri pada 2021.

# GEMPAK SINEMA



Pengarah: Zh Emdee

Pelakon: Hasnul Rahmat, Puteri Balqish, Lia Natalia, Aniq Durar, Shahronizam Md Noor

Genre: Misteri, Thriller

Kisah bermula dengan Harris (Hasnul Rahmat) membawa anaknya Lisa (Puteri Balqish) berkhemah di sebuah hutan, bertujuan mempererat hubungan mereka. Namun, di sebalik ketenangan rimbunan hijau, tragedi mengejutkan berlaku apabila Lisa hampir menjadi mangsa rogol.

Dalam usahanya melindungi Lisa, Harris membunuh si penyerang. Namun, lelaki itu ternyata anak kepada Salleh (Shahronizam Md Noor), seorang ketua ajaran ilmu hitam. Peristiwa ini membuka pintu kepada rentetan gangguan mistik yang menghantui Lisa dan keluarganya.

Dalam keadaan terdesak, Harris menghilangkan diri, sementara isterinya Rihanna (Lia Natalia) mencari bantuan ilmu hitam untuk membawa suaminya pulang. Harris kembali, tetapi perubahan drastik pada dirinya menimbulkan tanda tanya – adakah dia benar-benar Harris yang dahulu?



Pengarah: Dinna Jasanti

Pelakon: Vino G. Bastian, Angga Yunanda, Kristo Immanuel, Caitlin Halderman, Marsha Timothy

Genre: Drama

Merupakan filem remake daripada produksi Kore Selatan, ia mengisahkan Kemal seorang atlet judo kebangsaan yang harus menerima kenyataan selepas cedera ketika bertanding hingga hilang penglihatan.

Hidupnya semakin sulit dengan kehadiran saudara kandungnya, Jay, yang baru dibebaskan dari penjara. Jay mahu merawata Kemal namun hal menjadi semakin sulit.



Pengarah: Woo Min-Ho

Pelakon: Hyun Bin, Lee Dong-Wook, Jeon Yeo-Bin, Park Jeong-Min

Genre: Thriller

Mengisahkan tentang perjuangan aktivis kemerdekaan Korea pada tahun 1900-an dalam menentang penjajahan Jepun yang dipimpin oleh Ahn Jung Geun.

Bersama sekelompok aktivis dengan pemikiran sama, mereka bertekad untuk merebut kembali tanah air mereka dan membunuh penjajah Jepun, Ito Hirobumi.

Mereka mengejar hingga ke Harbin dan perjuangan merebut kembali kekuasaan untuk mengakhiri derita rakyat digambarkan dalam filem ini.

## 5 Kisah Motif Trending Paling Panas!



Sepanjang tahun 2024, program Motif Trending telah menyajikan pelbagai kisah yang mencuri perhatian, dari isu kekeluargaan hingga kontroversi selebriti.

Beberapa episod menjadi perbualan hangat, mencetuskan emosi dan diskusi di kalangan penonton, menjadikannya antara yang paling diingati sepanjang tahun.

### 1. Abby Abadi Dedah Marissa Lari Rumah

Kisah penuh emosi ini memaparkan pendedahan Abby Abadi tentang cabaran keluarga apabila anak perempuannya bersama bekas suami, Norman Hakim iaitu Marissa Dania bertindak lari dari rumah sebelum tular kisah perkahwinan bersama Aslam di Thailand.

Episod ini mendapat perhatian besar kerana isu kekeluargaan yang dikongsikan secara terbuka.

### 2. Dewi Bukan Perosak Rumahtangga Jofliam?

Kontroversi mengenai hubungan pekerja di syarikat Jofliam iaitu Dewi menjadi buatan hangat. Episod ini membongkar kisah sebenar di sebalik tuduhan yang dilemparkan kepada Dewi sebagai perosak rumah tangga pasangan Jofliam dan Cik Epal.

### 3. Kisah Perkahwinan Sean Lee & Bay Doucet

Episod yang menyentuh hati ini membawa penonton menyelami kisah cinta dan perkahwinan pasangan selebriti Sean Lee dan Bay Doucet yang penuh dengan inspirasi dan keunikan. Sean sempat di'prank' oleh kru produksi kononnya perlu menemubual Amelia Henderson, walhal tetamu jemputannya adalah isterinya sendiri.

### 4. Bang Aji Anak Online Netizen Terpaling Popular

Fenomena 'Bang Aji' menjadi topik tular apabila episod ini mendedahkan bagaimana si comel ini menjadi perhatian ramai dengan gelaran 'Anak Online Netizen Terpaling Popular'. Gelagat lucu dan kecomelannya sering tular di media sosial, menjadikannya ikon kegemaran netizen dan simbol kasih sayang keluarga selebriti.

### 5. Ananda Natasha Bersanding Seorang Diri Tanpa Andika

Bekas isteri pempengaruh dan usahawan viral Andika Putera iaitu Ananda Natasha tampil berkongsi kisah rakan baik sendiri yang menjadi individu ketiga dalam rumah tangganya.

Natasha yang berasal dari Indonesia turut mendedahkan kisah sebenar perpisahannya dengan Andika dan cabaran membesarkan anaknya Alisha Puteri. Natasha juga berkongsi kisahnya bersanding bersendirian di Indonesia tanpa suami dengan alasan kesibukan bekerja.

## 4 Hari Hiburan & Pembelajaran Di Astro Home Of Kids!

Astro membawakan semula Home of Kids, acara penuh keceriaan untuk kanak-kanak dan keluarga, selama 4 hari di IOI Grand Convention Centre, IOI City Mall, pada 26-29 Disember 2024 lalu.

Acara ini terbuka secara percuma dan menampilkan pelbagai aktiviti menarik serta peluang bertemu karakter kegemaran seperti Didi & Friends, SpongeBob, Upin & Ipin, dan banyak lagi.

Kanak-kanak juga dapat menikmati permainan interaktif, sesi kraf, zon bertema seperti Pinkfong dan Didi & Friends, serta pelbagai persembahan menghiburkan.

Selain itu, cenderamata eksklusif dari karakter kegemaran turut ditawarkan, menjadikan pengalaman ini menyeronokkan dan bermakna untuk seluruh keluarga.

Pakej Astro One tersedia dari RM49.99, menawarkan hiburan tanpa henti dengan 8 saluran kanak-kanak dan ribuan kandungan on demand.



## Hani Fadzil Kini Bersama MIX!

Hani Fadzil akan memulakan tugas baharunya sebagai penyampai slot MIX Days di MIX mulai 6 Januari 2024, slot yang bersiaran setiap hari dari jam 10 pagi hingga 3 petang.

Sebelumnya, Hani dikenali sebagai penyampai radio berbahasa Melayu di ERA dan pernah menjawat jawatan Pengurus Jenama ERA Sabah dan Sarawak.

Menurut Hani, peluang ini merupakan cabaran baharu baginya untuk menyampaikan segmen dalam bahasa Inggeris, dengan harapan dapat memberikan hiburan bermakna kepada pendengar.

"Saya sangat teruja untuk menyertai keluarga MIX. Rasa rindu terhadap dunia penyampaian radio akhirnya terubat, dan kini saya bersedia untuk mencabar diri dengan memberikan yang terbaik dalam segmen berbahasa Inggeris," katanya.

Pengurus Jenama MIX, Rosalind Teng mengakui personaliti ceria Hani sesuai dengan khalayak MIX dan akan membawakan pelbagai segmen menarik seperti tip kekeluargaan, idea makan tengah hari dan hiburan terkini.



## Udit Narayan Hidupkan Memori Bollywood Di KL

Penyanyi playback legenda Bollywood, Udit Narayan, memukau 3,000 peminat di Megastar Arena Kuala Lumpur hujung minggu lalu. Pada usia 69 tahun, Raja Melodi Bollywood ini membawa peminat mengimbau zaman kegemilangan Bollywood dengan persembahan energetik selama dua jam.

Konsert Udit Narayan Live in Kuala Lumpur menjadi hadiah istimewa buat peminat setianya, yang dihidangkan dengan lebih 20 lagu popular dari pelbagai era, termasuk Bole Chudiyān (Kabhi Khushi Kabhie Gham), Ruk Ja, Jaadu Teri Nazar, dan Kuch Kuch Hota Hai.

Turut menyerikan pentas adalah isterinya, Deepa Narayan, serta bintang rancangan SaReGaMaPa, Sana Arora, yang menyanyikan lagu seperti Zara Zara dan Jiya Re. Syamel, Kilafairy, dan Farez Adnan juga tampil memanaskan suasana dengan medley lagu hit Udit.

Udit, yang terakhir ke Malaysia 12 tahun lalu, meluahkan rasa gembiranya untuk kembali bertemu peminat.

Selama empat dekad kariernya, beliau telah merakamkan lebih 25,000 buah lagu, meminjamkan suaranya kepada bintang besar Bollywood seperti Amitabh Bachchan, Shah Rukh Khan, Salman Khan, dan Hrithik Roshan.

- AINUN SYAHIRAH



## Bawa Kucing Naik Pentas, Aina Abdul Pukau Peminat Di KL

Penyanyi Aina Abdul memukau kira-kira 1,500 penonton dalam konsert jelajah album Imaji di Zepp Kuala Lumpur baru-baru ini.

Membuka persembahan dengan lagu Imaji dan Kejam, kelunakan vokal Aina segera 'merasuk' penonton. Sorakan "I love you Aina" bergema sepanjang persembahan berdurasi dua setengah jam itu.

Dalam babak kedua, Aina berkongsi kisah dua kucing kesayangannya, Hero dan Susu, yang mencuit hati penonton.

Aina juga mengumumkan akan berehat daripada mengadakan konsert solo pada 2025 untuk meneroka peluang baharu dalam muzik, termasuk kolaborasi dengan artis tempatan dan antarabangsa.

Konsert jelajah ini akan berakhir di Dewan Mu'adzam Shah, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah pada 11 Januari depan.



## Financial Faiz

@financialfaiz

### Zakat Sebagai Penyelamat Golongan Berhutang & Miskin

Pendidik kewangan Faiz Azmi menjelaskan pusat zakat di Malaysia sentiasa berusaha membantu golongan asnaf, termasuk gharimin, iaitu individu yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas dan tidak mampu membayarnya.

Gharimin adalah:


- Orang Islam yang berhutang untuk keperluan asas diri, tanggungan, atau masyarakat.
- Tidak mampu melunaskan hutang.
- Hutang berkaitan perkara yang dibenarkan syarak.
- Hutang telah mencapai tempoh pembayaran.

Namun, Faiz menegaskan bahawa masih ramai yang tidak tahu hak mereka untuk mendapatkan bantuan zakat. Beliau menyeru individu yang memerlukan, termasuk mereka yang berpendapatan rendah dan berhutang, untuk tampil mendaftarkan diri di pusat zakat.

"Pihak zakat sentiasa mencari asnaf, tetapi ada yang enggan tampil memohon bantuan. Jika anda mengenali mereka yang layak, bantu mereka untuk ke pusat zakat," ujar Faiz.

Zakat adalah instrumen penting dalam mengatasi kesulitan kewangan. Jangan biarkan rasa malu atau kekurangan maklumat menghalang anda daripada mendapatkan bantuan.

Untuk maklumat lanjut, hubungi pusat zakat di kawasan anda atau lawati laman web rasmi pusat zakat negeri.




## Ring In 2025 With Exclusive Festive Packages At Dash Box Hotel Cyberjaya!

Dash Box Hotel Cyberjaya is welcoming the New Year with exciting festive packages.

Located in Cyberjaya, the hotel combines industrial chic with vibrant street art, creating a unique and relaxing getaway.

Choose from three packages: Memories & Moments (from RM399) with full-board meals and a gala dinner, Grill & Chill (from RM330) with breakfast and dinner, or Festive Staycation Delight (from RM295) featuring BBQ dinners.

All packages include a gala dinner, live entertainment, and a midnight fireworks show. Start 2025 in style! Visit their website or social media for details.



## Malaysian Couple's Kuih Bakery Crowned NYC's Hottest Spot!



A Malaysian couple, Mogan Anthony and Seleste Tan, have made waves in New York City with their bakery, Lady Wong Patisserie.

Opened in 2022, the bakery specializes in traditional Asian desserts, especially Malaysian kuih. Their unique creations have wowed food critics, earning them the title of "hottest bakery in NYC" by Eater and features in The New York Times and Forbes.

Inspired by homesickness during the pandemic, the couple started making kuih to reconnect with their roots. What began as a pop-up quickly grew into a permanent bakery.

They use authentic ingredients imported from Malaysia, Indonesia, and Thailand to create popular treats like pandan mooncakes, curry puffs, and angku kuih. Lady Wong now has locations in the East Village and Urban Hawker.

Read full article in [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com)

# 10 Bizarre Museums Around the World

Exploring museums often means viewing historical artifacts, but some institutions showcase truly unusual collections. Here are ten of the world's most bizarre museums:

## **Museum of Broken Relationships (Croatia)**

A Zagreb museum featuring items from failed relationships, like an axe used on furniture or a bottle of tears.

## **Toilet Museum (India)**

This New Delhi museum showcases the history of toilets and their evolution.

## **Underwater Museum (Mexico)**

Near Cancun, this museum displays over 500 underwater sculptures that also act as artificial reefs.

## **Torture Museum (Netherlands)**

Located in Amsterdam, it exhibits medieval torture devices like thumbscrews and skull crushers.

## **Disgusting Food Museum (Germany)**

In Berlin, this museum presents bizarre foods like stinky cheese, insects, and cow's blood.

## **Hair Museum (Turkey)**

This Cappadocia museum features walls covered with hair samples donated by 16,000 women.

## **Museum of Death (Thailand)**

In Bangkok, this museum displays preserved human specimens and the remains of a cannibal serial killer.

## **Parasite Museum (Japan)**

Tokyo's museum features over 60,000 parasites and free guides about them.

## **Condom Museum (Thailand)**

This Bangkok museum explores the history of condoms, including durability tests.

## **Purgatory Museum (Italy)**

Near the Vatican, it exhibits items linked to souls believed to be stuck in purgatory.

